

8.6 juta penerima dapat manfaat melibatkan peruntukan sebanyak RM630 juta

Bantuan tunai tambahan untuk rakyat

PUTRAJAYA – Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam mengumumkan kerajaan akan menyediakan bantuan tunai tambahan di bawah program Bantuan Keluarga Malaysia (BKM).

Ismail Sabri berkata, menerusi bantuan tunai tambahan itu, golongan B40 yang layak akan menerima sebanyak RM100 untuk golongan isi rumah dan RM50 bagi golongan bujang.

Katanya, bayaran Fasa 2 BKM yang melibatkan peruntukan sebanyak RM1.11 bilion menyaksikan setiap penerima BKM menerima sehingga RM400 mengikut kategori kelayakan BKM masing-masing.

“Dengan adanya bantuan tunai tambahan ini, setiap penerima BKM bakal menerima sehingga RM500 mengikut kategori kelayakan BKM masing-masing. Bayaran bantuan tunai tambahan yang dibayar bersekali dengan bayaran Fasa 2 BKM melibatkan tambahan peruntukan sebanyak RM630 juta.

“Bayaran ini akan memanfaatkan hampir 8.6 juta penerima merangkumi 4 juta isi rumah, 1.2 juta warga emas (bujang atau tiada pasangan) dan 3.4 juta individu bujang,” katanya menerusi sidang akhbar khas di sini semalam.

Ismail Sabri berkata, setiap penerima yang layak akan menerima bayaran secara berperingkat mulai 27 Jun ini melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM1.74 bilion.

Katanya, pembayaran itu juga dibuat bagi meringankan beban kewangan golongan B40 terutamanya dalam menyambut Hari Raya Aidiladha tidak lama lagi.

“Semakan status pembayaran



BANTUAN tunai tambahan yang diumumkan kerajaan adalah bagi meringankan beban kewangan golongan B40 terutamanya untuk menyambut Hari Raya Aidiladha tidak lama lagi.

boleh dibuat bermula 27 Jun 2022 melalui pautan <https://bkm.hasil.gov.my>,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan masih mengekalkan subsidi minyak masak dengan jumlah sebanyak RM4 bilion untuk tahun 2022 berbanding RM500 juta pada tahun 2020 dan RM2.2 bilion pada 2021.

“Minyak masak yang disubsidi oleh kerajaan ialah sebanyak 60,000 tan metrik sebulan, melebihi daripada keperluan sebenar pengguna iaitu sebanyak 55,000 tan metrik sebulan.

“Subsidi yang ditanggung oleh kerajaan ini adalah untuk kategori minyak masak kempit



ISMAIL SABRI

RM2.50 bagi 1 kilogram (kg) sahaja, berbanding harga pasaran sebenar, RM9 bagi 1kg untuk keg-

unaan Keluarga Malaysia golongan B40. Subsidi ini telah bermula sejak Jun 2007,” katanya.

Beliau memberitahu, sewaktu pandemik Covid-19, kerajaan telah memperkenalkan program subsidi sementara untuk minyak masak berbotol bagi 1, 2, 3 dan 5kg pada Ogos 2021.

“Usaha ini bagi membantu Keluarga Malaysia yang ketika itu terkesan akibat pandemik Covid-19. Program subsidi sementara untuk minyak masak berbotol ini hanyalah untuk tempoh tiga bulan sahaja dengan kos RM55 juta sebulan,” katanya.

Bagaimanapun, Ismail Sabri berkata, kerajaan mendapati

minyak masak berbotol yang disubsidi banyak diselewengkan oleh pihak industri, komersial dan aktiviti penyeludupan.

“Sehubungan itu, kerajaan membuat keputusan bermula 1 Julai 2022 untuk tidak lagi menyalurkan subsidi minyak masak berbotol kerana objektif awal program ini adalah untuk membantu golongan terkesan pandemik.

“Untuk itu, subsidi minyak masak kempit sahaja yang akan diteruskan dan kerajaan yakin subsidi sebanyak 60 ribu tan metrik sebulan adalah mencukupi untuk kegunaan Keluarga Malaysia,” katanya.